

PERUSAHAAN Makanan Malaysia (FIMA) akan mencari kemungkinan menjayakan projek-projek tanaman modal bersama dengan pergerakan kerjasama dan persatuan-persatuan peladang.

Pengerusinya, Dr. Mahathir Mohamad, berkata, FIMA juga akan mencari kemungkinan menggunakan Bank Rakyat bagi membiayai projek-projeknya.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat khas di antara FIMA dengan badan-badan kerajaan yang ada kaitan dengan perusahaan makanan, di sini semalam.

Wakil-wakil dari Jabatan Pertanian, MARDI, Bahagian Teknologi Makanan Kementerian Pertanian, persatuan peladang Jabatan Syarikat Kerjasama dan Lembaga Kemajuan Ikan, turut hadir di dalam mesyuarat itu.

Satu kenyataan FIMA, hari ini, berkata, mesyuarat khas itu telah menyentuh tentang perlunya diadakan strategi positif dalam memajukan perusahaan makanan di negara ini.

"Untuk ini, adalah perlu diambil langkah-langkah yang disatukan di kalangan badan-badan kerajaan yang ada kaitan dengan perusahaan itu," tambah kenyataan itu.

Dr. Mahathir berkata selepas mesyuarat tersebut bahawa semua yang hadir telah mencapai persefahaman mengenai fungsi-fungsi berbagai jabatan dan pertubuhan kerajaan yang ada kaitan dengan perusahaan itu.

Penyelidikan

"Semua pihak setuju dan faham tentang perlunya penyelarasan yang lebih berkesan di antara satu sama lain," ujarnya.

Menurutnya, pada umumnya telah diterima bahawa FIMA sebagai sebuah pertubuhan perniagaan kerajaan patut memainkan peranan utama di dalam perusahaan makanan sementara lain-lain badan terus melibatkan diri dalam bidang pengeluaran dan penyelidikan.

"Bahagian Penyelidikan Jabatan Pertanian, Makanan dan Teknologi serta MARDI telah bersetuju untuk menyediakan hasil-hasil penyelidikan mereka untuk FIMA serta membuat sesuatu kajian atas permintaan FIMA," tambahnya.

Dr. Mahathir lalu menegaskan bahawa FIMA dalam melaksanakan matlamat-matlamatnya akan mencari kemungkinan menjayakan projek-projek tanaman modal bersama dengan pergerakan kerjasama dan persatuan-persatuan peladang.

"FIMA juga bersetuju untuk mencari kemungkinan menggunakan Bank Rakyat dalam membiayai projek-projeknya.